

# **BAB KEEMPAT**

## BAB KE EMPAT

### ANALISIS TERHADAP AJARAN HASSAN ANAK RIMAU

#### 4.1 Dapatan Kajian

Seseorang Islam tidak akan mudah dipengaruhi atau terpedaya dengan sesuatu perkara yang diperkenalkan kepada mereka, sekiranya dia mempunyai persediaan dan kemampuan yang cukup untuk menilai sesuatu yang baru yang datang ke dalam hidupnya, lebih-lebih lagi jika sesuatu yang baru diperkenalkan kepadanya itu adalah perkara yang menyentuh masa depan hidupnya atau masa depan generasi yang datang selepasnya.

Kesediaan untuk menerima sesuatu yang baru akan menjadi lebih hati-hati dan waspada apabila sesuatu yang baru itu akan menyentuh persoalan akidah Islamiah yang dipegang dan menjadi asas kehidupan bagi seseorang Muslim. Kesilapan menilai sehingga menerima sesuatu yang bertentangan dengan akidah Islamiah yang diredayai oleh Allah s. w. t. akan menyebabkan hidup seseorang yang terlibat menjadi sia-sia dan jauh dari rahmat-Nya, malah dia akan dimurkai oleh Allah s. w. t. untuk selama-lamanya.

Kes penyelewengan akidah yang berlaku melalui penyebaran ajaran Tarekat Hassan Anak Rimau tidak akan berlaku dan berkembang di dalam masyarakat Islam negeri Kelantan, melainkan adanya unsur atau penyebab yang mendorong kepada berlakunya amalan tersebut di dalam masyarakat tersebut.

Untuk mengetahui kedudukan dan perkembangan ajaran Hassan Anak Rimau yang membawa kepada berlakunya penyelewengan akidah di dalam masyarakat Islam negeri Kelantan, iaitu di jajahan Tanah Merah, semestinya unsur dan sebab yang menjadi pendorong itu perlu dikaji dan dianalisa.

Dari fakta kajian kes mengenai penyelewengan akidah yang telah dibentangkan sebelum ini, dapat diambil satu kesimpulan bahawa antara faktor-faktor yang menyebabkan tersebarnya ‘Ajaran Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau’ yang menjadi antara penyumbang kepada berlakunya jenayah penyelewengan akidah di negeri Kelantan dan ianya telah berjaya ‘memikat hati’ pengikut-pengikutnya dari kalangan masyarakat Islam di jajahan Tanah Merah ini ialah:

- i) Kejahilan sebahagian masyarakat Islam tentang ajaran sebenar agama mereka.
- ii) Kelalaian umat Islam menyampai dan menangani permasalahan akidah di dalam masyarakat lebih-lebih lagi dalam memahami perkara-perkara asas agama yang berlandaskan ilmu tauhid, fekah, tasawuf dan lain-lain.
- iii) Kecenderungan yang berlebihan kepada kebendaan kesan daripada kejahilan terhadap prinsip-prinsip Islam sehingga cuai di dalam perkara akidah dan syariah.

- iv) Kurangnya kesungguhan daripada pihak yang bertanggungjawab menangani gerakan-gerakan yang berusaha memusnahkan Islam sama ada melalui ajaran sesat, ideologi, atau pemikiran ‘intelektual sumbang’ yang bergerak cergas dan bebas dalam masyarakat.

#### 4.1.1 Soal Selidik

Untuk mengetahui tahap kefahaman akidah masyarakat Islam di jajahan Tanah Merah, Kelantan, berhubung dengan unsur-unsur penyelewengan akidah melalui perkembangan Ajaran Hassan Anak Rimau yang terdapat di dalam masyarakat di sini, penulis telah menjalankan satu soal selidik, observasi, dan temubual. Metod soal selidik merupakan sumber data yang utama untuk menganalisis data. Untuk itu sepanjang tempoh kajian dibuat, penulis telah mengedarkan 300 borang soal selidik kepada orang ramai di jajahan Tanah Merah, yang terdiri daripada berbagai golongan, tingkatan dan kumpulan sosial serta pencapaian akademik.

Mereka yang terlibat dengan soal selidik ini adalah terdiri daripada masyarakat kampung, pemimpin masyarakat, pegawai-pegawai kerja daerah Jajahan Tanah Merah dan pembantu-pembantu mereka serta guru-guru agama setempat. Sejumlah 200 orang responden yang telah memberi kerjasama sepenuhnya dengan memberi jawapan kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan melalui soal selidik yang telah diedarkan itu.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Soal selidik ini telah dibuat melalui edaran borang soal selidik dan juga temubual secara lisan di antara penulis dan responden.

Dari soal selidik yang telah dijalankan itu, didapati 29.48% dari keseluruhan responden yang telah berkerjasama memberi jawapan kepada soal selidik ini dikategorikan sebagai ‘sangat faham’ tentang persoalan yang berhubung dengan akidah Islam dan unsur-unsur yang boleh membawa kepada berlakunya jenayah penyelewengan akidah dikalangan umat Islam.

Sejumlah 63.20% dari keseluruhan responden yang telah memberi jawapan kepada soal selidik ini dikategorikan di dalam kumpulan mereka ‘yang faham’ tentang persoalan yang menyentuh akidah dan unsur-unsur penyelewengan; manakala 23.65% dari keseluruhan responden tersebut dikategorikan di dalam kumpulan ‘sederhana faham’ berhubung dengan persoalan yang telah dibentangkan kepada mereka, dan 10.65% dari keseluruhan responden yang memberi kerjasama sepenuhnya itu dikategorikan di dalam kumpulan mereka yang berada ‘di bawah paras faham’ berkaitan dengan persoalan yang telah dimajukan kepada mereka melalui soal selidik ini.

#### 4.1.2 Cara Penilaian

Untuk memudahkan penulis menilai pencapaian responden berhubung dengan persoalan akidah dan kaitannya dengan unsur-unsur penyelewengannya melalui ‘Ajaran Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau’ yang membawa kepada terbatalnya akidah Islamiah di kalangan pengikut-pengikutnya di jajahan Tanah Merah, satu penilaian dan rumusan seperti berikut telah dibuat:

#### JADUAL 4

##### Akidah Islam Dan Unsur-Unsur Penyelewengannya

Akidah Islam Dan Unsur-Unsur Penyelewengannya	
Tahap kefahaman	% Responden yang terlibat
Sangat saham	29.48%
Yang saham	36.20%
Sederhana saham	23.65%
Di Bawah Paras saham	10.65%
<b>Jumlah</b>	<b>99.98%</b>

Sumber: Soal Selidik

Untuk menilai tahap kefahaman responden, hasil dari keputusan soal selidik tersebut dikategorikan kepada empat bahagian seperti di atas. Responden-responden tersebut di kategorikan berdasarkan kepada peratus jawapan yang dijawab dari soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan, juga yang disediakan di dalam borang soal selidik yang diedarkan kepada mereka. Cara penilaian yang dibuat ke atas jawapan-jawapan yang diterima dari mereka itu adalah seperti berikut:

- i) Responden-responden yang dapat menjawab dengan baik soalan-soalan yang dikemukakan di dalam soal selidik ini dan mendapat

keputusan antara 85% hingga 94% dari keseluruhan soalan yang telah dikemukakan itu, dikategorikan sebagai mereka yang ‘sangat saham’ dengan persoalan yang melibatkan akidah Islamiah dan unsur-unsur penyelewengannya.

- ii) Responden-responden yang dapat menjawab dengan baik antara 70% hingga 84% dari keseluruhan soalan-soalan yang telah diedarkan kepada mereka, dikategorikan sebagai mereka ‘yang saham’ dengan persoalan-persoalan yang ada hubungan dengan akidah Islamiah dan unsur-unsur penyelewengannya.
- iii) Responden-responden yang dapat menjawab antara 50% hingga 69% dari keseluruhan soalan yang dikemukakan di dalam soal selidik itu, dikategorikan sebagai mereka yang ‘sederhana saham’ berhubung dengan persoalan akidah Islamiah. Mereka yang berada di bawah kategori ini dikira masih berada di paras tidak selamat dan mudah terpengaruh serta sukar untuk membuat pertimbangan yang betul berhubung dengan isu-isu yang boleh membataalkan iman.
- iv) Responden-responden yang hanya mampu menjawab antara 10% hingga 49% daripada soalan-soalan yang diedarkan di dalam soal selidik ini dikategorikan sebagai mereka yang berada ‘di bawah paras saham’ berhubung dengan persoalan akidah Islamiah. Mereka yang berada di dalam kategori ini dijangka ‘lebih mudah terdedah kepada unsur-unsur murtad; tidak kira dari golongan mana taraf sosial dan pencapaian serta kebolehan akademik yang mereka miliki.

#### **4.1.3 Jurang Kefahaman**

Dilihat dari peratusan mereka yang berada di paras yang membimbangkan ini tidak begitu besar jumlahnya iaitu sebanyak 34.3% dari jumlah keseluruhan mereka yang terlibat dengan soal selidik ini, iaitu mereka-mereka yang berada di dalam kategori ‘sederhana faham’ dan ‘di bawah paras faham’, maka dapatlah dibuat satu kesimpulan, bahawa tahap kefahaman akidah umat Islam di jajahan Tanah Merah ini adalah tinggi jumlahnya dan agak sukar untuk terjebak kepada unsur-unsur murtad dan penyelewengan akidah yang boleh menyebabkan terbatalnya iman.

Manakala 65.69% dari jumlah keseluruhan mereka yang terlibat dengan soal selidik ini pula iaitu dalam kadar melebihi separuh daripada keseluruhan responden, yang benar-benar dan boleh memahami persoalan-persoalan yang ada kaitan dengan persoalan akidah berhubung dengan isu-isu semasa yang berlaku di dalam jajahan ini. Dengan kedudukan ini bererti bahawa akidah umat Islam di jajahan ini berada di dalam keadaan agak baik dan tidak begitu membimbangkan dari terpengaruh dengan gejala penyelewengan akidah yang membawa kepada terbatalnya iman seseorang muslim itu.

#### **4.1.4 Kefahaman Terhadap Ajaran Hassan Anak Rimau**

Soal selidik ini juga telah menjelaskan lagi, bahawa tidak begitu ramai dari umat Islam di jajahan Tanah Merah yang masih keliru dengan taktik yang digunakan oleh pembawa dan pengamal ajaran sesat tersebut. Ini kerana mereka

sudah mempunyai kefahaman agama yang tinggi, maka ‘ajaran’ tersebut tidak dapat dikembangkan dengan mudah dikalangan masyarakat Islam di jajahan ini.

Untuk mengetahui sejauh mana tahap kefahaman masyarakat Islam berhubung dengan ajaran sesat Hassan Anak Rimau yang jelas menyeleweng dari akidah Islam yang menjadi fokus utama dalam kajian ini, penulis telah mengemukakan beberapa soalan yang berkaitan mengenainya dalam soal selidik yang telah diedarkan itu. Jawapan yang diterima dari soal selidik tersebut adalah seperti berikut:

#### JADUAL 5

##### Tahap Kefahaman Terhadap Ajaran Hassan Anak Rimau

Tahap Kefahaman Terhadap Ajaran Hassan Anak Rimau	
Tahap Kefahaman Responden	% Yang Memberi Pendapat
Yang mengaku mengamal atau pernah mengamal ajaran Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau	6.77%
Yang keliru dengan ajarannya	13.07%
Yang tak saham hukumnya	15.14%
Yang saham hukum mengenainya	64.39%

Sumber: Soal Selidik.

Dari soal selidik ini didapati bahawa 6.77% dari responden yang telah memberi jawapan telah mengakui mengamal atau pernah mengamal ajaran Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau yang telah dikembangkan di kalangan

masyarakat Islam di jajahan Tanah Merah. Ini bererti bahawa ajaran sesat tersebut amat tidak mendapat sambutan di kalangan masyarakat yang mengaku beragama Islam yang tinggal di jajahan ini.

Soal selidik ini juga menjelaskan sebanyak 13.07% dari keseluruhan responden yang memberi jawapan kepada soalan ini masih ‘keliru dengan ajaran’ tersebut. Mereka berpendapat bahawa ajaran ‘Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau’ ialah suatu ilmu yang scolah-olah ada hubungan dengan ajaran Islam dan mendakwa bahawa mereka yang beramal dengannya akan menjadikan mereka itu scolah-olah orang yang beribadat kepada Allah s. w. t. Oleh kerana itulah mereka menyangka bahawa ajaran ‘Tarekat Zikrullah’ ini adalah merupakan sebahagian dari amalan orang-orang Islam. Dan sejumlah 15.14% dari mereka yang tidak jelas mengenai hukumnya.

Walau bagaimanapun 64.39% dari mereka yang memberi jawapan kepada soalan ini yang benar-benar faham apakah sebenarnya ajaran ajaran tarekat Hassan Anak Rimau itu dan hukumnya seseorang yang terlibat dengan ajaran tersebut; iaitu mereka yang menerima dan beramal dengannya boleh menyebabkan mereka yang terlibat itu terbatal akidah Islamnya.

Ajaran ‘tarekat’ ini juga merupakan salah satu daripada ajaran yang popular di kalangan sebahagian pengamal-pengamal ajaran bukan Islam di beberapa buah negeri di Malaysia; seperti negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor, Perak dan lain-lain. Ajaran tarekat ini dikira lebih menonjol penerimaaannya berbanding dengan ajaran-ajaran lain di kalangan pengamal ajaran-ajaran yang seumpamanya.

#### **4.1.5 Penilaian Hukum Terhadap Ajaran Hassan Anak Rimau**

Melalui soal selidik ini juga, penulis dapat menegaskan bahawa tidak begitu ramai dari masyarakat Islam di jajahan Tanah Merah yang masih tidak jelas mengenai hukum pembawa dan pengamal ajaran sesat Hassan Anak Rimau yang disebrkan di jajahan tersebut. Ini kerana mereka sudah mempunyai kefahaman agama yang tinggi, maka ‘ajaran’ tersebut tidak dapat diterima sebagai amalan dan kepercayaan oleh majoriti dari mereka. Perkara ini dapat dilihat dimana kira-kira 92.55% dari responden-responden yang memberi kerjasama menjawab soal selidik ini, telah menyatakan hukum orang yang menyebar dan mengamali ajaran tarekat itu adalah sesat dan menyeleweng dari akidah Islamiah yang membawa kepada terbatalnya iman.

Jika diteliti dari peratusan mereka yang berada di paras yang membimbangkan tidak begitu besar jumlahnya iaitu sebanyak 7.44% dari jumlah keseluruhan mereka yang terlibat dengan soal selidik ini, iaitu mereka yang berpendapat hukum terhadap penyebar dan orang yang mengamali ajaran tersebut adalah tidak jelas hukumnya di sisi Islam, dan sebahagian kecil dari kalangan mereka ada juga berpendapat ajaran tersebut benar dan bertepatan dengan akidah Islam. Oleh itu dapatlah dibuat satu kesimpulan, bahawa tahap kefahaman umat Islam di jajahan Tanah Merah mengenai penyelewengan akidah yang berpunca dari ajaran Hassan Anak Rimau adalah berada ditahap yang amat baik dan agak sukar untuk mereka terpengaruh dengan unsur-unsur penyelewengan akidah yang boleh menyebabkan terbatalnya iman di kalangan pengikut-pengikutnya.

Hasil dari soal selidik berhubung dengan persoalan ini dapat dijelaskan dengan keputusan seperti berikut:

#### JADUAL 6

##### Penilaian Hukum Terhadap Ajaran Hassan Anak Rimau

Penilaian Hukum Terhadap Ajaran Hassan Anak Rimau	
Tahap Kefahaman Responden	% Yang Memberi Pendapat
Sesat Dan Menyeleweng Dari Akidah Islam	92.55%
Benar Dan Bertepatan Dengan Akidah Islam	2.11%
Tidak Jelas Hukumnya	5.33%

Sumber: Soal Selidik

Hasil soal selidik ini dapat memperjelaskan lagi tahap kefahaman mengenai akidah dikalangan umat Islam di jajahan Tanah Merah, khususnya berkaitan dengan persoalan penyelewengan akidah. Mereka begitu saham mengenai gejala penyelewengan akidah yang berlaku di jajahan tersebut antaranya berpunca dari penyebaran ajaran Hassan Anak Rimau. Ini terbukti melalui jawapan yang diberikan oleh responden-responden berdasarkan soalan-soalan berkaitan yang dikemukakan kepada mereka dimana melebih 90% darinya yang telah menyatakan bahawa ajaran Hassan Anak Rimau yang disebarluaskan itu

hukumnya amat jelas iaitu ianya sesat dan menyeleweng dari akidah Islam, yang membawa kepada terbatalnya iman para pengikut ajarannya.

#### **4.2 Pandangan Tokoh Mengenai Ajaran Hassan Anak Rimau**

Sebagaimana ajaran-ajaran sesat yang lain, ajaran ‘tarekat songsang’ yang dipelopori oleh Hassan bin Yaacob, dengan cara dan pendekatan yang diambil oleh penggerak ajaran ini untuk menambah sebanyak mungkin pengikut-pengikutnya; telah memberi sedikit kesan negatif terhadap masyarakat Islam di negeri Kelantan, terutamanya di jajahan Tanah Merah. Dengan kewujudan ajaran yang bertopengkan ‘tarekat Islam’ seperti ini, membahayakan masyarakat Islam khususnya dari sudut keselamatan dan ketenteraman awam, lebih-lebih lagi kehadirannya telah mengancam suasana kemurnian akidah masyarakat negeri Kelantan yang berteraskan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Untuk membuktikan wujudnya kesan buruk terhadap masyarakat negeri ini, khususnya masyarakat Islam di jahan Tanah Merah, penulis membawa beberapa pandangan individu-individu berkenaan yang mengetahui secara dekat mengenai ajaran Hassan Anak Rimau yang menjadi isu masyarakat hingga ke hari ini. Ia adalah hasil temubual penulis dengan beberapa responden yang mempunyai pengetahuan dan autoriti mengenai isu yang dibincangkan dalam kajian ini.

Menurut DSP. Riduan Hashim, Pegawai di Bahagian Pemantauan Ajaran Sesat dan Pelampau Agama, di Ibu Pejabat Polis Di Raja Malaysia Bukit Aman: Bahawa masalah kumpulan-kumpulan ajaran sesat dan pelampau agama yang

wujud di negara ini sememangnya boleh mengancam keselamatan negara dan juga ketenteraman awam. Kerana kumpulan-kumpulan itu sentiasa berusaha menjalankan kegiatan serta aktiviti-aktiviti mereka yang kadangkala menyentuh sensitiviti sesuatu agama dan kaum lain. Ini lebih membimbangkan lagi kerana negara Malaysia ini didiami oleh pelbagai kaum dan penganut agama. Akan tetapi pihak polis sentiasa memantau setiap gerakan anasir-anasir yang tidak baik ini, dan akan bertindak mengikut saluran undang-undang negara sekiranya ia sampai ke peringkat mengancam keselamatan negara.

Mengenai ajaran sesat kumpulan Ajaran Hassan Anak Rimau yang telah wujud sejak tahun 80an lagi, kata DSP. Riduan; seperti juga ajaran sesat lain ianya wujud di atas niat jahat, penipuan dan seks yang dipelopori individu dan pihak-pihak berkenaan. Untuk mengatasi perkara ini, kata DSP. Riduan, semua pihak mestilah berperanan termasuklah ahli akademik dan ilmuan Islam yang sentiasa mendapat tempat dan dihormati di sisi masyarakat, seterusnya dapat membantu pihak polis memastikan keamanan negara dan masyarakat sentiasa terkawal.<sup>2</sup>

Dalam memperkatakan soal penyelewengan akidah melalui ajaran yang diasaskan oleh Hassan bin Yaacob yang masih aktif hingga ke hari ini, Dato' Hasbullah bin Haji Hassan, Mufti Kerajaan Kelantan, berpendapat bahawa ajaran ini adalah satu ajaran yang telah wujud secara rasminya di negeri Kelantan sejak dari awal tahun 80an yang lalu, termasuklah juga di jajahan Tanah Merah yang

<sup>2</sup> Temubual penulis bersama DSP. Riduan bin Hashim, dari Ibu Pejabat Polis Di Raja Malaysia Bukit Aman, Kuala Lumpur. Temubual ini dibuat melalui telefon pada 10 Januari 2002. Jam 10.20 pagi.

merupakan tempat bermulanya ajaran ini. Ia pada asalnya dikatakan bergerak di atas landasan ilmu kebatinan dan bomoh. Tetapi disebabkan faktor kejahilan dan inginkan kedudukan dan pujian, maka ‘Hassan’ telah menanam di dalam pemikiran pengikut-pengikutnya sifat taksub dan kasih kepada ‘guru ajaran’. Dengan itu Hassan berjaya mengembangkan ajaran tersebut dan diterima pula oleh para pengikutnya, walaupun ianya jelas bertentang dengan akidah Islamiah. Hassan dan pengikut-pengikutnya telah membuat pelbagai dakwaan palsu terhadap Allah s. w. t., dan Rasul-Nya yang merendahkan darjah ketinggian *Rab al-Jalil* serta kenabian Muhammad s. a. w.

Oleh itu saya menyarankan agar umat Islam di negeri ini sentiasa mempertingkatkan ilmu pengetahuan dengan mengikuti kelas-kelas pengajian agama, sama ada secara formal atau tidak formal yang diadakan di masjid-masjid dan di surau-surau. Dengan memiliki ilmu agama secara mendalam sahaja lah sesorang itu dapat membenteng dirinya dari apa jua bentuk dakyah dan ajaran-ajaran ‘songsang’ yang akan menggugat kesucian akidah umat Islam.<sup>3</sup>

Menurut Dato’ Mohd. Shukri bin Muhammad, Timbalan Mufti Kerajaan Kelantan; ajaran Hassan Anak Rimau, salah satu ajaran sesat yang telah wujud di negeri Kelantan, walaupun pelbagai tindakan undang-undang telah diambil ke atas penyebar ajaran tersebut, serta beberapa siri kaunseling telah dibuat oleh pilak Jabatan Agama Islam Kelantan, dan juga pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan bagi penyebar dan pengikut ajaran tersebut, tetapi ianya masih dihidupkan. Ini membuktikan sifat degil manusia yang

<sup>3</sup> Temubual penulis bersama Dato’ Hasbulah bin Haji Hassan, di Pejabat Mufti, Kompleks Balai Islam, Lundang, Kota Bharu, pada 13 Mac 2002, jam 10.3 pagi.

sentiasa mencabar kekuasan Allah serta hasad dengki terhadap agama Islam yang direday-Nya. Lebih malang lagi kiranya ajaran ‘seperti ini’ diterima dan didokong oleh individu-individu berkelulusan Pengajian Islam. Oleh itu, apa yang lebih penting setiap dari kita berusaha menanganinya.<sup>4</sup>

Menurut Kadi Jajahan Tanah Merah, Tuan Haji Abdul Rahman bin Mohammad; ajaran Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau tidak begitu mendapat sambutan dari kalangan masyarakat Islam Kelantan, lebih-lebih lagi masyarakat Islam di jajahan Tanah Merah. Cuma kadangkala isu ini dimanipulasikan oleh pihak-pihak tertentu. Pada saya ia tidaklah begitu mengancam akidah umat Islam negeri ini. Malah pengikutnya tidak ramai dari orang-orang yang tinggal di jajahan Tanah Merah, tetapi ia lebih diterima oleh orang luar dari Kelantan.

Walau bagaimanapun, dalam hal ini beliau suka mengingatkan masyarakat Islam agar jangan lupa bahawa musuh-musuh Islam sentiasa mencari jalan untuk mengkhianati umatnya, terutama dalam hal-hal akidah. Dalam menjayakan agenda jahat itu, pada satu-satu ketika musuh akan menggunakan orang-orang ‘Islam’,<sup>5</sup> sendiri untuk merosakkan akidah Islamiah yang menjadi asas kepercayaan penganutnya. Maka ajaran Hassan Anak Rimau ini adalah satu

<sup>4</sup> Temubual penulis bersama Dato’ Mohd. Shukri bin Muhammad, di Pejabat Timbalan Mufti, Kompleks Balai Islam, Lundang, Kota Bharu, pada 13 Mac 2002, jam 2.30 petang. (Dalam tempoh kajian ini penulis telah beberapa kali datang ke Pejabat Mufti, JAHEIK dan MAIK untuk mendapatkan bahan kajian kes).

<sup>5</sup> Orang-orang Islam seperti ini adalah mereka yang mengaku pada zahirnya beriman kepada Allah s. w. t., tetapi di hatinya tetap kufur dan ingkar kepada-Nya. Hal ini diceritakan oleh Allah di dalam surah al-Baqarah, ayat 8-14.

daripada ajaran-ajaran sesat yang merosakkan akidah Islamiah setiap dari mereka yang menerimanya. Jadi ajaran seperti ini wajib dijauhi.<sup>6</sup>

Haji Abdullah bin Zakaria yang merupakan Imam Tua masjid mukim Bukit Mas menjelaskan; berdasarkan maklumat yang diceritakan oleh mereka yang pernah mengikut ajaran Hassan Anak Rimau, juga pemberitahuan oleh MAIK yang bertanggungjawab dalam urusan hal ehwal agama Islam di negeri ini, jelas membuktikan ‘Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau’, yang berpusat di kampung Bukit Mas ini ternyata terkeluar dari akidah Islam yang suci. Oleh itu beliau sebagai Imam Tua di mukim ini, telah tidak hadir menziarahi jenazah Hassan bin Yaacob pada hari kematiannya beberapa tahun yang lalu sebagai tanda tidak reda dengan ajaran yang dikembangkan itu. Malah jenazahnya tidak dikebumikan di tanah perkuburan Islam di mukim ini, tetapi ia dikebumikan dihadapan rumah peninggalannya yang bersebelahan madrasah yang dijadikan pusat ajarannya.<sup>7</sup>

Menurut Haji Che Musa bin Che Hamid, yang pernah mengikuti amalan ratib ajaran Hassan Anak Rimau (untuk mengetahui dari dekat). Katanya: “Sememangnya ajaran tersebut memandang lekeh terhadap akidah dan syariat Islam. Ahli kumpulan ajaran tersebut tidak mementingkan sembahyang, puasa, zakat dan juga ibadah haji, tetapi mereka lebih mengutamakan ‘zikir amalan’ tersebut yang kadangkala diadakan sehingga larut malam. Pada kebiasaananya

<sup>6</sup> Temubual penulis bersama Tuan Haji Abdul Rahman bin Mohammad, Kadi Jajahan Tanah Merah, di Pejabat Kadi Tanah Merah, bertarikh: 28 Oktober 2001, jam 11.30 pagi.

<sup>7</sup> Perkara ini diceritakan oleh Haji Abdullah, semasa diwawancara oleh penulis pada 13 September 2001, jam 2.30 petang, bertempat di Masjid Mukim Bukit Mas.

majlis ‘ratib’ diadakan pada malam Jumaat, iaitu selepas waktu isyak dan berterusan hingga hampir masuknya waktu subuh. Pada permulaan ‘majlis zikir’ tersebut ahli-ahlinya diasingkan antara lelaki dan perempuan, tetapi apabila tiba waktu larut malam maka berlakulah percampuran antara lelaki dan perempuan tanpa ada sebarang halangan lagi, sambil melaungkan zikir ‘Hu, Hu, Hu...Huhag, Huhag....’. Amalan zikir (ratib kuat) itu diadakan pada setiap malam Jumaat di ‘Madrasah Haji Hassan’, di Kampung Bukit Mas. Sememangnya ia adalah satu ajaran karut dan boleh merosakkan akidah Islamiah bagi setiap pengamalnya.<sup>8</sup>

Begitu juga menurut seorang lagi bekas pengikut setia ajaran tersebut, Haji Mohammad bin Hussin,<sup>9</sup> ajaran Tarekat Hassan Anak Rimau boleh membawa para pengikutnya hilang kepercayaan kepada akidah dan kepercayaan agama Islam, seterusnya juga mereka akan benci terhadap agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s. a. w. Ini kerana ajaran tersebut menanam sifat taksub kepada ‘Maha Guru’ mengatasi segala-gala yang lain, malah mereka meletakkan ‘Haji Hassan’ setaraf dengan Nabi Muhammad, malah lebih tinggi dari itu. Kata Haji Mohammad, sepanjang tempoh beliau mengikuti ajaran tarekat tersebut, beliau dapat pengikut ajaran tersebut tidak mengambil berat tentang sembahyang fardu lima waktu, malah boleh dikatakan hampir kesemua individu-individu yang ia kenali dan bergaul dengan mereka, didapati mereka tidak mengerjakan

<sup>8</sup> Haji Che Musa bin Che Hamid adalah seorang pesara guru, tempat terakhir beliau bertugas ialah di Sekolah Rendah Kebangsaan Alor Pasir, Tanah Merah. Beliau pernah mengikuti ajaran Tarekat Hassan Anak Rimau hampir tiga tahun, iaitu pada akhir tahun 80an. Temubual penulis bersama beliau di rumahnya di Kg. Alor Pasir Tanah Merah, 28 Oktober 2001, jam 2 petang.

<sup>9</sup> Haji Mohamad bin Hussin adalah seorang petani dan bekas pengikut setia ajaran tersebut. Beliau mengikuti ‘ratib tarekat’ ajaran Hassan Anak Rimau selama enam tahun, iaitu dari tahun 1983-1988.

sembahyang lima waktu, juga ibadah fardu yang lain seperti puasa dan sebagainya Ini semua jelas mununjukkan bahawa ajaran yang dibawa oleh Hassan Bin Yakub itu jelas bertentangan dengan hukum dan syariat Islam.<sup>10</sup>

Seorang bekas pengikut ajaran Hassan Anak Rimau, Mustafa bin Jusoh dari Pasir Puteh<sup>11</sup> juga mengakui bahawa Hassan pernah memberi pengajaran antaranya: Sembahyang lima waktu tidak wajib bagi pengikut-pengikutnya kerana ia adalah sembahyang zahir, tetapi memadai dengan ‘niat’ sahaja kerana itulah yang batin. Menunaikan ibadah haji di Mekah adalah sia-sia sahaja, kerana tawaf mengelilingi Kaabah itu semata-mata menyembah batu, malah amalan tarekatnya lebih baik dari mengerjakan haji. Hassan juga pernah memberitahu, al-Quran yang ada sekarang ini adalah Quran yang palsu, dan al-Quran yang sebenarnya yang ada dalam simpanan ‘beliau’ sendiri.<sup>12</sup>

Ustaz Haron Che Awang, dari Rantau Panjang, Kelantan, merupakan seorang guru agama yang pernah mengajar agama di ‘kawasan dalam pagar’ selama 2 tahun (1993-1995). Katanya, pengikut ajaran Hassan Anak Rimau memang sukar untuk meninggal ajaran mereka kerana terlalu taksub, sehingga mereka sanggup mempersendakan hukum-hukum agama yang disampaikan.<sup>13</sup>

<sup>10</sup> Temubual penulis bersama Haji Mohamad bin Hussin di rumahnya, di kampung Bukit Mas, Tanah Merah, pada 28 Oktober 2001, jam 5 petang.

<sup>11</sup> Mustafa bin Jusoh tinggal di kampung Semerak, Pasir Puteh. Beliau pernah mengikuti ‘majlis ratib kuat’ yang diasaskan oleh ‘Haji Hassan’ lebih dari empat tahun, iaitu pada tahun 1980an.

<sup>12</sup> Temubual penulis bersama Encik Mustafa, di rumahnya di kampung Semerak Pasir Puteh, pada 8 Ogos 2002, jam 11. 20 pagi.

<sup>13</sup> Beliau adalah Guru Agama MAIK, mengajar di ‘Kawasan Dalam Pagar’ dengan tujuan untuk memperbetulkan akidah kepercayaan pengikut-pengikut Ajaran Hassan Anak Rimau setelah kematian gurunya (Hassan) pada tahun 1992. Tatapi hasratnya tidak berjaya. Temubual penulis bersamanya di rumah Haji Mohamad bin Hussin, Bukit Mas, pada tarikh dan waktu yang sama temubual diadakan bersama Haji Hussin.

Mereka tidak begitu berminat untuk mengerjakan sembahyang. Hal ini ternyata berlaku kerana dalam tempoh tiga tahun beliau mengajar di sana (setiap malam Selasa, waktunya di antara maghrib dan isyak), hanya sebilangan kecil yang hadir sahaja menunaikan sembahyang fardu maghrib dan isyak berjemaah, yang selebihnya berada di luar madrasah. Soalan-soalan yang dikemukakan semasa kuliah disampaikan pula lebih berbentuk untuk mempengaruhi yang hadir (antara 30-40 orang yang hadir) agar dapat menerima ajaran yang ‘diakidahkan’ oleh mereka.<sup>14</sup>

Mengenai perkara yang sama Ustaz Rushdan<sup>15</sup> bin Abdul Hadi pula menceritakan, sepanjang tahun 2002 beliau telah beberapa kali hadir menyampaikan kuliah maghrib yang diadakan pada setiap malam Jumaat, di pusat ‘Ratib Zikrullah Hassan Anak Rimau’, di Kampung Bukit Mas, dengan tujuan untuk menyampaikan dakwah kepada ahli-ahli ajaran tersebut ke jalan yang benar sebagaimana dikehendaki oleh Allah s. w. t. Tetapi nampaknya mereka tidak boleh menerima kebenaran yang disampaikan. Kebenaran di sini maksudnya ialah mentauhidkan Allah dengan menurut kehendak dan peraturan-peraturan-Nya sebagaimana yang telah diajarkan oleh para rasul tanpa melakukan sebarang perubahan sama ada penambahan atau pengurangan terhadap ajaran-ajaran tersebut yang suci lagi diredaya Allah.<sup>16</sup>

---

<sup>14</sup> *Ibid.*

<sup>15</sup> Berkelulusan B. A. (Hons), Pengajian Usuluddin, Universiti al-Azhar, Kaherah. Beliau bertugas sebagai ‘Pegawai Agama Serantau’ KADA yang beribu pejabat di Lundang, Kota Bharu. Antara tugas rasmi beliau ialah menyampaikan dakwah kepada masyarakat di negeri Kelantan.

<sup>16</sup> Temubual penulis bersama Ustaz Rushdan bin Abdul Hadi, di rumahnya di Kampung Bukit Abal, Pasir Puteh, pada 23 Disember 2002, jam 9.20 malam.

#### **4.3 Unsur-Unsur Jenayah Dalam Ajaran Hassan Anak Rimau**

Ajaran Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau adalah sama dengan ajaran-ajaran sesat yang lain, iaitu mengkhianati terhadap Allah dan Rasul-Nya, juga mengkhianati terhadap umat Islam yang beriman dengan agama yang direndai Allah s. w. t.. Setelah mengamati bentuk-bentuk penyelewengan yang telah dilakukan, maka penulis dapati terdapat beberapa unsur ‘jenayah agama’ yang dilakukan oleh pengembang-pengembang ajaran ini, antaranya ialah:

- a) Menafikan keesaan Allah s. w. t. dan bersyirik dengan-Nya, seperti mengaku diri kita dan semua orang adalah Tuhan. Ajaran Hassan Anak Rimau ini telah menyamakan Allah dengan makhluk-Nya yang baharu; dengan mendakwa bahawa diri kita sendiri itulah Tuhan. Ia telah menyamakan Allah dengan makhluk-Nya iaitu dengan mendakwa bahawa diri kita sendiri itulah Tuhan.<sup>17</sup> Sedangkan kepercayaan seperti ini adalah mencabar sifat Keagungan Allah Penguasa sekalian alam.
- b) Menafikan kesempurnaan lafaz dua kalimah Syahadah. Dengan mendakwa bahawa manusia bersifat dengan sifat yang yang ada pada Allah Ta’ala, maka ajaran yang dibawa oleh ‘Hassan’ telah membawa para mengikutnya menyengutukan Allah secara total di dalam berakidah. Kepercayaan sedemikian dengan sendirinya telah menolak kalimah ‘*tayyibah*’ iaitu dua kalimah syahadah yang memperakui keesaan Allah serta bertauhid terhadap-Nya.

---

<sup>17</sup> Lihat tesis ini, bab ketiga, h. 114-120. Lihat juga dalil-dalil al-Quran pada bab yang sama.

‘*tayyibah*’ iaitu dua kalimah syahadah yang memperakui keesaan Allah serta bertauhid terhadap-Nya.

- c) Manafikan kenabian Muhammad s. a. w.. dan kerasulan Baginda sebagai Rasul terakhir. Menuduh Rasulullah s. a. w. sebagai pendusta dan menghina Baginda dengan sifat yang hina yang tidak sesuai dengan tarafnya sebagai Rasul. Ini terbukti di mana Hasan Anak Rimau sendiri telah mengatakan bahawa beliau sendiri sama kedudukannya dengan Muhammad, malah lebih tinggi lagi *magamnya* daripada *maqam* Muhammad s. a. w. Katanya “*Bahawa kita tidak perlu beriman kepada Nabi Muhammad sebab beliau manusia seperti kita juga, malah kita juga boleh mengatasinya kedudukannya*”.<sup>18</sup> Jelas sekali ajaran tersebut telah menafikan keterangan Allah s. w. t. yang telah menegaskan bahawa Nabi Muhammad s. a. w. adalah pengakhir sekalian nabi-nabi dan Baginda adalah nabi yang terakhir. Hal ini merupakan satu jenayah terhadap agama Islam yang suci, kerana ajaran ini telah mempengaruhi masyarakat Islam menolak kerasulan Muhammad s. a. w. yang menjadi salah satu dari rukun iman yang wajib dipercayai.
- d) Menafikan rukun iman dan rukun Islam. Dengan menafikan keesaan Allah s.w.t., kenabian Muhammad s. a. w. sebagai Nabi dan Rasul juga mengingkari perkara-perkara ghaib yang *thabit* di dalam Islam. Seseorang muslim yang beriktiad demikian, iaitu menafikan rukun-rukun yang menjadi asas pegangan kepercayaan dalam akidah Islamiah, maka sudah tentu mereka yang menerima ajaran sedemikian akan terlibat dengan

<sup>18</sup> Lihat tesis ini bab ketiga, h. 119-122.

amalan-amalan yang membatalkan iman dan disaat itu mereka yang terlibat tidak lagi dikira sebagai seorang muslim.

- e) Mengubah hukum syarak dan mempermankannya. kefarduan ibadat yang disardukan, seperti ibadat sembahyang, zakat, puasa dan haji. Ajaran yang disebar oleh Hassan Anak Rimau telah mempersenda-senda serta menyelewengkan hukum-hukum yang berkaitan dengan kefarduan di dalam Islam.
- f) Ajaran ‘tarekat’ ini telah meletakkan ‘guru’ ajarannya (Hassan) setara atau lebih tinggi dari kedudukan Allah s. w. t. Penipuan yang dibuat oleh ajaran ini antaranya ialah ‘Maha Gurunya’ mempunya kuasa dalam memberi keampunan dosa kepada para pengikutnya. Ia juga menyatakan bahawa anak kunci syurga berada pada maha gurunya (Hassan); sesiapa yang menghendaki masuk syurga mestilah menerima ajaran-ajaran ‘tarekat’ yang dibawa oleh gurunya itu. Ini bererti orang-orang Islam yang tidak menerima ajaran tersebut tidak akan dapat memasuki syurga buat selama-lamanya. Sedangkan pengampunan dosa-dosa hamba serta mengurniakan syurga kepada mereka adalah hak Allah s. w. t. secara mutlak yang tidak sekali-kali berkompromi dengan makhluk-Nya.

#### 4.4 Fatwa-Fatwa Mengenai Ajaran Hassan Anak Rimau

Ajaran Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau telah difatwakan salah oleh beberapa buah negeri di Malaysia.<sup>19</sup> Keputusan fatwa tersebut adalah seperti berikut:

- i- Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melalyu Kelantan telah mengeluarkan fatwa pada 10.8.1980 bahawa butir-butir pengajaran tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau adalah salah dan menjaskankan iman (yang membawa kepada kafir) seseorang Islam yang mempercayai dan beriktikad dengannya. Oleh yang demikian sesiapa yang mempercayai, menerima dan beriktikad dengan pengajaran itu atau mengamalkan, wajiblah bertaubat kepada Allah s. w. t., serta kembali kepada pengajaran dan jalan Islam yang sebenar.<sup>20</sup>
- ii- Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu telah mengeluarkan fatwa pada 30.5.1981 bahawa ajaran ‘tarekat’ tersebut yang antara amalannya ‘meratib kuat’ adalah salah dari segi ajaran Islam dan membawa kepada kekufuran. Ini kerana terdapat zikir-zikir dan wirid-wirid serta perkataan-perkataan yang tidak ada makna dalam

<sup>19</sup> Di sini penulis hanya membawa beberapa fatwa kesalahan ‘Ajaran Hassan Anak Rimau’ yang dikeluarkan oleh pihak Pengguna Agama, beberapa negeri di Malaysia; sebagai bukti di atas kesalahan ajaran tersebut.

<sup>20</sup> *Laporan Penyebaran Tariqat Zikrullah Hassan Anak Rimau Di Kampar Perak*, Unit Akidah dan Ajaran Sesat, Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, bertarikh: 28 November 1990.

bahasa Arab seperti perkataan ‘Huhag’ (هُوَ هُجْ) yang menjadi amalan pengikut-pengikut ajaran ‘tarekat’ tersebut.<sup>21</sup>

- iii- Pada tahun 1986, berdasarkan perkembangan yang agak membimbangkan mengenai penyebaran ajaran yang dibawa oleh Hassan bin Yaaacob, serta beberapa tindakan mahkamah yang dikenakan ke atas penyebar ajaran tersebut, maka sekali lagi Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan adat Istiadat Melayu Kelantan telah mengeluarkan fatwa yang lebih tegas mengenai ajaran tersebut yang berbunyi: “Setelah mengkaji teks daripada pita rakaman percakapan seseorang yang digelar ‘Hassan Anak Rimau’ atau Hassan bin Yaacob dengan Pegawai Pengguna Penjara,<sup>22</sup> serta pengakuan Encik Hassan sendiri serta beberapa bekas pengikutnya secara lisan, terhadap beberapa penyiasatan yang telah dibuat, yang mengandungi butiran-butiran ajaran dan akidahnya, dan didapati menyentuh ketuhanan Allah s. w. t., kerasulan Nabi Muhammad s. a. w., dan kesucian al-Quran yang mulia, maka dengan itu Jemaah Ulama dengan rasminya menfatwakan bahawa ajarannya adalah menyeleweng dari akidah Islam yang suci yang boleh membawa kepada kufur. Jemaah Ulama secara tegas berpendapat Hassan Anak Rimau adalah seorang penganut dan penyebar ajaran salah. Jemaah Ulama juga telah menghalusi amalan zikir dan didapati

<sup>21</sup> *Ibid.*

<sup>22</sup> Sila lihat tesis ini pada bab ketiga, iaitu mengenai bentuk-bentuk penyelewengan akidah melalui ajaran Hassan Anak Rimau.

ianya ada hubungan rapat, dengan konsep dan ajaran akidahnya. Maka dengan ini difatwakan bahawa amalan zikir berkenaan adalah salah dan menyeleweng”.<sup>23</sup>

- iv- Pada 19 Oktober 1995 pula Dato' Haji Ishak bin Haji Baharom, Mufti Kerajaan Negeri Selangor, setelah berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak negeri, maka beliau dengan rasminya mengeluarkan fatwa yang berbunyi: “Ajaran Zikrullah Hassan Anak Rimau didapati menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh yang demikian, umat Islam dilarang mengamal ajaran itu. Orang-orang Islam yang telah mengambil ijazah dan mengamalkan ajaran Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau itu, di mana-mana jua berada hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah Subhanahu Wata’alā”.<sup>24</sup>

<sup>23</sup> Warta Kerajaan Kelantan, 3 Julai, 1986, [MUI. (Kn.) 43/78/Bhg.2.].

<sup>24</sup> Warta Kerajaan Negeri Selangor, 19 Oktober, 1995, [JAI. Sel. 8014/7 Jilid IV; P.U. sel. AGM/0007]. Lihat sama, *Ajaran Dan Amalan Yang Telah Difatwakan Menyeleweng Dan Sesat Dalam Negeri Selangor (1985-1995)*, Diterbitkan Oleh: Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Selangor, Cet. II, 1998, h. 37.

#### **4.5 Tindakan Undang-Undang Terhadap Penyebar Dan Pengikutnya**

Dalam usaha mengatasi gejala penyelewengan akidah melalui ajaran Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau, maka beberapa tindakan undang-undang telah diambil terhadap pengasasnya iaitu Hassan bin Yaacob dan beberapa pengikut-pengikutnya. Tindakan-tindakan tersebut adalah seperti berikut:<sup>25</sup>

- i. Hassan bin Yaacob telah dihukum di bawah Seksyen 69 Undang-undang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Bilangan 2/66 dan di denda sebanyak RM 200.00 atau satu bulan penjara. Beliau memilih untuk membayar denda tersebut. Dakwaan tersebut dibuat kerana tertuduh telah mengajar perkara-perkara yang berlawanan dengan hukum syarak. Beliau dihukum oleh Mahkamah Kadi Pasir Mas pada 16.3.1980.
  
- ii. Pada 20.6.1980 di Mahkamah Kadi Tanah Merah, Hassan bin Yaacob juga telah dihukum atas tuduhan tidak hadir sembahyang Jumaat sebanyak 3 kali berturut-turut. Dia dihukum di bawah Seksyen 60 Undang-undang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan Bilangan 2/66 dan didenda sebanyak RM200.00 dan sebulan penjara. Beliau membuat rayuan untuk diulang bicara. Ulang bicara tersebut diadakan pada 20.5.1981 di Mahkamah Kadi Besar Kota Bharu. Keputusannya didapati

<sup>25</sup> Laporan Penyebaran Tariqat Zikrullah Hassan Anak Rimau Di Kampar Perak, Op. Cit. Lihat sama 'Ajaran Dan Amalan Yang Telah Difatwakan Menyeleweng Dan Sesat Dalam Negeri Selangor (1985-1995)', Op. Cit, h. 35-50. Perkara ini juga telah disahkan oleh Dato' Hasbullah bin Haji Hassan, Mufti Kerajaan Kelantan, semasa diwawancara penulis di pejabatnya, pada: 13 Mac 2002, jam 10.30 pagi.

- beliau telah bersalah dan dikenakan hukuman denda sebanyak RM200.00 atau penjara 2  $\frac{1}{2}$  bulan. Beliau membayar denda tersebut.
- iii. Pada 22.9.1983 'Hassan' sekali lagi telah disabit kesalahan di Mahkamah Kadi Besar Kelantan di bawah Seksyen 74(1) Undang-undang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan Bilangan 2/66 iaitu melafazkan perkataan yang menyebabkan terkeji dan mempersendakan agama Islam. Beliau telah dihukum penjara 3 bulan tanpa denda.
- iv. Mahkamah Kadi Besar Ipoh pada 29 Julai 1991 dan 30 September 1991 telah membicarakan kes Muhamad bin Ya (pengikut dan Pengembang ajaran Hassan Anak Rimau), dan telah dijatuhkan hukuman penjara tiga bulan.
- v. Pada 15 Januari 1995, di Mahkamah Tinggi Syariah, Kuala Terengganu, Ariffin bin Muhamad (Ayah Pin) yang merupakan penyebar ajaran Hassan Anak Rimau di Ulu Terengganu telah membuat pengakuan bahawa sememangnya beliau telah menipu semua pengikut-pengikutnya dengan dakwaan pernah bertemu dengan Allah s. w. t. dan Rasulullah s. a. w. dalam keadaan jaga. Beliau juga mengaku jahil dalam hukum Islam dan tidak pernah

belajar agama. Oleh itu Arifin telah dijatuhkan hukuman setahun penjara.<sup>26</sup>

- vi. Pada 12 Febuari 1995, Muhamad bin Ya, Kamariah binti Ali, Teh bin Idris, Mad Yaakob bin Ismail, Daud bin Mamat dan Kamaruzaman bin Abdullah (mereka adalah pengikut setia dan penyebar ajaran Hassan Anak Rimau), telah dibicarakan di Mahkamah Syariah Kota Bharu, Kelantan. Pada 26 Mac 1995 Mahkamah Syariah Kota Bharu telah menjatuhkan hukuman penjara terhadap Mohamad bin Ya selama dua tahun. Manakala isterinya Kamariah binti Ali juga dijatuhkan hukuman penjara dua puluh bulan. Begitu juga Teh bin Idris 64 tahun dari Kampung Pacakan, Jalan Rhu Semerak, Md. Yaakob Ismail, 40 tahun dari kampung yang sama dan Daud Mamat 62 tahun dari Kg. Patani Saring, Pasir Putih, dihukum dua puluh bulan penjara. Hukuman penjara berkuatkuasa pada 26 Mac 1995.<sup>27</sup>

---

<sup>26</sup> Utusan Malaysia , 16.1.1995.

<sup>27</sup> Kesemua mereka yang terlibat dalam penghukuman ini adalah pengikut setia dan penyebar Ajaran Hassan Anak Rimau, sama ada di negeri Kelantan atau negeri-negeri lain di Malaysia. Ini kerana selain dari Kelantan, Ajaran Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau telah dikembangkan ke beberapa negeri lain seperti Terengganu, Pahang, Selangor, Perak dan Negeri Sembilan. Antara individu yang terlibat dalam mengembangkan ajaran ini ke negeri-negeri tersebut ialah Arifin bin Muhamad (Ayah Pin), Muhamad bin Ya dan Kamariah binti Ali. Walau bagaimanapun dalam kajian ilmiah ini penulis tidak membincangkan mengenai perkembangan ajaran tersebut di negeri-negeri lain. Ini kerana skop kajian hanya difokuskan di jajahan Tanah Merah, Kelantan.

#### 4.6 Penegasan Terhadap Penyelewengan Ajaran Hassan Anak Rimau

Penyelewengan akidah dan syariat yang dilakukan oleh kumpulan ajaran Hassan Anak Rimau sebenarnya boleh mengancam keselamatan dan kemurnian akidah masyarakat Islam di negeri Kelantan, khususnya mereka yang berada di jajahan Tanah Merah. Agama Islam sahajalah satu-satunya agama yang berpegang teguh kepada asas kepercayaan yang benar; mencakupi keimanan kepada Allah dan Rasul-Nya serta perkara-perkara yang ghaib. Sabda Rasulullah s. a. w. dalam satu hadith yang berbunyi:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ قَالَ بَيْنَمَا نَحْنُ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ لَمْ طَلِعْ عَلَيْنَا رَجُلٌ شَدِيدٌ بَيَاضِ النَّيَابِ شَدِيدٌ سَوَادِ الشَّعْرِ لَا يُرَى عَلَيْهِ أثْرُ السَّفَرِ وَلَا يَعْرَفُهُ مِنَ احَدٍ حَتَّى جَلَسَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاسْتَدَرَ رُكْبَتِيهِ إِلَى رُكْبَتِهِ وَوَضَعَ كَفَيْهِ عَلَى فَخِذَتِهِ وَقَالَ يَا مُحَمَّدَ أَخْيُرِي عَنِ الْإِسْلَامِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْإِسْلَامُ أَنْ تَشْهُدَ أَنَّ لِلَّهِ إِلَهٌ أَوْ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَتَقْيِيمُ الصَّلَاةِ وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةِ وَتَصُومُ رَمَضَانَ وَتَحْجُجُ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا قَالَ صَدَقْتَ قَالَ فَعَجِبْتَ لَهُ بِسَالَةٍ وَيَصْدَقُهُ قَالَ فَأَخْبَرْتُهُ عَنِ الْإِيمَانِ قَالَ أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتبِهِ وَرَسُولِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَتُؤْمِنَ بِالْقَدْرِ خَيْرٌ وَشَرٌّ

Maksudnya: "Daripada 'Umar bin al-Khattab katanya: Ketika kami bersama Rasulullah s. a. w. pada suatu hari datang seorang laki-laki yang sangat putih kainnya dan sangat hitam rambutnya. Tiada kelihatan padanya tanda-tanda bekas perjalanan. Dan tiada seorang pun di antara kami yang mengenalnya. Lalu dia duduk dekat Nabi s.a.w. dan disandarkannya lututnya ke lutut Nabi dan diletakkannya

*Islam!*". Rasulullah s. a. w. menjawab: "Islam itu ialah engkau mengakui, bahawa tiada Tuhan selain Allah dan bahawa Muhammad itu Rasulullah (utusan Allah), engkau kerjakan sembahyang, engkau bayar zakat, engkau puasa di bulan Ramadan dan engkau sengaja mengunjungi Ka'bah (naik haji) kalau engkau berkuasa datang ke situ." Katanya: "Benar perkataanmu". Kata Umar: "Kami merasa hairan, kerana dia bertanya dan kemudian menyatakan bahawa ucapan Nabi itu benar". Dia bertanya: "Beritakanlah kepadaku tentang iman". Nabi menjawab: "Engkau beriman kepada Allah, Malaikat-Nya, Kitab-Nya, Rasul-Rasul-Nya, hari akhirat (kiamat) dan engkau mempercayai adanya qadar buruk dan baik".<sup>28</sup>

Berdasarkan fakta-fakta kajian yang telah diterangkan di atas, maka jelaslah kepada kita sebagai umat Islam bahawa, betapa pentingnya kekuatan dan kemurnian akidah dalam menganut pegangan akidah Islamiah yang suci. Penulis berpendapat bahawa dengan berpegang teguh kepada akidah Islam yang sebenar, seseorang hamba itu akan memperolehi kemenangan yang sejati, baik kemenangan di dunia atau pun kemenangan di akhirat.

Islam adalah agama *samawi* yang sentiasa menyeru manusia bertauhidkan Allah s. w. t. dalam semua aspek kehidupan. Lantaran itu, Allah telah mengutuskan Rasul-Nya Muhammad s. a. w. supaya membimbing mereka ke jalan kebenaran, iaatu dengan berpegang teguh terhadap akidah Islam yang suci.<sup>29</sup>

Lantaran demikian, erti beriktikad serta beriman dengan Allah Ta'āla itu ialah mengetahui, percaya dan beriktikad dengan teguh terhadap perkara-perkara yang wajib, yang mustahil dan juga perkara-perkara yang harus bagi Allah

<sup>28</sup> Fachruddin HS., *Terjemahan Hadith Shahih Muslim*, Op. Cit., hadith no. 1, h. 21.

<sup>29</sup> Muhammad Labib Ahmad (1997), "Al-Quran Dan Al-Sunnah Sebagai Sumber Akidah", *Pengasuh*, MAIK, Bil. 546, Januari/Februari 1997, h. 13-14.

Ta'ála.<sup>30</sup> Seseorang itu hendaklah beriktiad bahawa Allah Ta'ala bersifat dengan sifat-sifat yang sempurna yang sesuai dengan sifat-sifat ketuhanan-Nya. Mustahil ia bersifat dengan sifat-sifat kekurangan, dan harus bagi Allah melakukan sesuatu terhadap makhluk-Nya, kerana itu semua di dalam kekuasaan-Nya.

Apa yang lebih penting, setiap individu Muslim mestilah memastikan yang mana mereka tidak tersalah di dalam mentafsirkan akidah Islam. Kerana ada di kalangan kumpulan atau sesuatu mazhab yang didokong oleh orang-orang Islam telah tersasar dan melenceng dari akidah Islamiah sebenar dalam mempercayai terhadap agama Islam.<sup>31</sup> Menanam akidah murni ke dalam jiwa sesuatu umat adalah berkesan untuk mewujudkan unsur-unsur yang baik dan daya kekuatan rohani dalam menghadapi sebarang tantangan zaman yang bersifat negatif, seterusnya mencerna diri dengan roh keimanan dan ketakwaan kepada Allah.

Satu-satunya jalan bagi menyatakan iman dan takwa kepada Allah yang Amat Pemurah dan Amat Berkusa; yang mengusai hari pembalasan ialah dengan beribadat atau memperhambakan diri kepada-Nya dengan penuh rasa ikhlas dan tawaduk. Beribadat kepada-Nya dapat diertikan sebagai menunjukkan rasa taat setia dan perhambaan diri kepada Allah Azza wa Jalla yang dikenangkan limpah kurnia kebaikannya serta dirasai dalam hati nurani akan kehebatan kekuasaan-Nya.<sup>32</sup>

<sup>30</sup> Muhammad Labib Ahmad, *Op. Cit.*, h. 16-17.

<sup>31</sup> *Ibid.*, h. 19.

<sup>32</sup> Abdullah b. Muhammad Basmeh, *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an* (1998), Edisi Jawi, Cet. 15., diterbit oleh: Dar al-Fikr, Kuala Lumpur, h. 3.